

# Hino gondol 3 anugerah trak

» 6 kategori dipertandingkan sebagai pengiktirafan

**Anugerah** yang julung kali dianjurkan, NST/Shell Rimula Truck of the Year 2012 menobatkan pemenang bagi enam kategori Rabu lalu.

Majlis penyampaian anugerah yang diadakan di The Saujana, Kuala Lumpur menyaksikan Hino Trucks muncul pemenang utama bagi tiga kategori, iaitu Jentera Tugas Ringan, Jentera Tugas Ringan-Sederhana dan Jentera Tugas Sederhana.

Antara faktor yang dinilai ialah jumlah jualan model-model trak berkenaan untuk pasaran Malaysia.

“Hino Malaysia berusaha untuk mengukuhkan kedudukan syarikat itu sejak 10 tahun lalu dan meneruskan komitmen berkenaan dengan menawarkan barisan trak paling popular bagi industri berkenaan,” ujar



**Yamin Vong** bersama Pengarang Urusan NST, **Datuk Nuraina Samad** dan **Chia** bersama pemenang yang dinobatkan pada malam penganugerahan TOTY 2012.

Pengerusi Penganjur TOTY 2012, Yamin Vong.

Selain Hino, turut dinobatkan bagi tiga lagi kategori ialah Scania P340 Series, Volvo FMX dan Dongfeng Commercial Vehicle (M) Sdn Bhd.

Dongfeng menjadi peneraju jenama dari China di pasaran tempatan. Dua tahun beroperasi, syarikat

itu berjaya menjual sejumlah 200 unit trak.

**Senarai pemenang anugerah NST/Shell Rimula Truck of the Year 2012**

- ⊙ 1. Jentera Tugas Ringan (sehingga 5 tan) - Hino 300 Series
- ⊙ 2. Jentera Tugas Ringan-Sederhana (5 hingga 10 tan) - Hino 300 Series

- ⊙ 3. Jentera Tugas Sederhana (10 hingga 18 tan) - Hino 500 Series
- ⊙ 4. Prime Mover (2 gandar) - Scania P340 Series
- ⊙ 5. Prime Mover (3 gandar) - Volvo FMX
- ⊙ 6. Kemasukan Terbaru Industri - Dongfeng Commercial Vehicle (Malaysia) Sdn Bhd

**Penerima Anugerah Khas:**

- ⊙ 1. Shell Supply & Distribution Department
- ⊙ 2. Pahang Mail & Transport Co Sdn Bhd
- ⊙ 3. Tiong Nam Logistics Holdings Bhd

**Anugerah Pencapaian Khas**

- ⊙ Datuk Dr Radin Umar Radin Sohadi Naib Canselor Universiti Putra Malaysia